



No. Ruj : KKM.500/3/4/9 Jld.4 (96

Tarikh : 24 Ogos 2017

Pengarah Bahagian

Setiausaha Bahagian

Pengarah Kesihatan Negeri

Pengarah Hospital/ Institut Latihan

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PENGUMUMAN TAWARAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR BAGI MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN SECARA SEPENUH MASA SESI 2018 KEPADA PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA KATEGORI BUKAN GUNASAMA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Kementerian Kesihatan Malaysia mempelawa semua pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan pencalonan dari kalangan calon-calon kumpulan Pelaksana untuk mengikuti kursus dalam perkhidmatan tanpa Biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi sesi 2018.

3. Calon hanya boleh memilih **salah satu sahaja permohonan** bagi tawaran seperti berikut:-

JENIS TAWARAN	KETERANGAN
Tawaran E	Terbuka kepada pegawai kumpulan Pelaksana (Bukan Gunasama & Kader) lantikan KKM untuk mengikuti kursus peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja . Calon boleh memilih salah satu kategori Cuti Belajar seperti berikut:- i. Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) Tanpa Biasiswa HLP, ATAU ii. Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) Tanpa Biasiswa HLP



4. Syarat-syarat permohonan dan maklumat lengkap mengenai tawaran ini boleh didapati di Sistem Permohonan eHLP KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>) mulai **25 Ogos 2017**. Tarikh-tarikh penting mengenai tawaran ini adalah seperti di **Lampiran 1**.

5. Sila ambil maklum bahawa penerima biasiswa mulai Sesi Akademik 2012/2013 adalah tertakluk kepada Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya seperti yang disertakan di **Lampiran 2** sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Sekian, terima kasih.



(ELLAM ENDIN NOM)

Bahagian Pengurusan Latihan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Sokongan & Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,
Bahagian Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah,
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,
Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)

TARIKH-TARIKH PENTING PENGUMUMAN TAWARAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR BAGI MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN SECARA SEPENUH MASA SESI 2018 KEPADA PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA KATEGORI BUKAN GUNASAMA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BIL.	PERKARA	TARIKH
i.	Pengumuman iklan tawaran Cuti Belajar / Biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan di laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (http://www.moh.gov.my), Bahagian Pengurusan Latihan KKM (http://latihan.moh.gov.my) dan Sistem Permohonan Hadiah Latihan Persekutuan KKM (http://ehlp.moh.gov.my).	25 Ogos 2017
ii.	Tarikh tutup urusan permohonan Hadiah Latihan Persekutuan	18 September 2017
iii.	Tarikh tutup penerimaan dokumen	22 September 2017
iv.	Semakan untuk calon layak temuduga di laman web Sistem Permohonan Hadiah Latihan Persekutuan KKM (http://ehlp.moh.gov.my).	1 November 2017
v.	Urusan temuduga	20 November – 15 Disember 2017
vi.	Semakan keputusan calon berjaya di Sistem eHLP	Minggu Ketiga Mac 2018

**JENIS-JENIS TINDAKAN PENALTI YANG DIKENAKAN KEPADA PEMEGANG
BIASISWA DALAM PERKHIDMATAN YANG GAGAL MENAMATKAN PENGAJIAN
DENGAN JAYA**

BIL.	PERKARA	PENALTI YANG DIKENAKAN
1.	Masalah disiplin	<ul style="list-style-type: none"> i) Bayaran gantirugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; ii) Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; iii) Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan iv) Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk Cuti Belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan.
2.	Menarik diri	<ul style="list-style-type: none"> i) Bayaran gantirugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; ii) Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; iii) Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan iv) Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk Cuti Belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan kecuali sebab tarik diri adalah di atas kepentingan perkhidmatan (yang dapat dibuktikan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan).
3.	Tidak mencapai markah lulus / syarat siswazah yang ditetapkan oleh universiti / kolej / institusi	<ul style="list-style-type: none"> i) Bayaran gantirugi sekurang-kurangnya 25% daripada kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; ii) Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; dan iii) Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan.

4.	Tamat tempoh penajaan	<ul style="list-style-type: none"> i) Bayaran gantirugi sekurang-kurangnya 25% daripada kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian sekiranya gagal mengemukakan bukti tamat dengan jaya dalam tempoh perjanjian atau apa-apa tempoh lanjutan setelah tamat tempoh tajaan seperti dinyatakan di dalam surat tawaran; ii) Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; iii) Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan iv) Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk Cuti Belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan.
PENGECUALIAN KEPADA TUNTUTAN GANTIRUGI		
5.	Masalah kesihatan (Jenis-jenis penyakit kronik adalah seperti di Lampiran D)	<ul style="list-style-type: none"> i) Tiada tuntutan gantirugi dikenakan; ii) Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; dan iii) Tidak layak ditawarkan biasiswa dalam perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan.

Kutipan balik gantirugi akan dibuat sebaik sahaja pegawai ditamatkan penajaan kerana gagal menamatkan pengajian dengan jaya.

JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

- a. Kanser;
- b. Serangan jantung;
- c. *Pulmonary Hypertension*;
- d. Penyakit buah pinggang yang kronik;
- e. Penyakit hati (*liver*) yang kronik;
- f. *Fullminant Viral Hepatitis*;
- g. Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan;
- h. Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
- i. Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
- j. Pemindahan organ utama;
- k. Penyakit Parkinson;
- l. Penyakit HIV dan AIDS;
- m. Pemindahan kaki dan tangan;
- n. Skizofrenia;
- o. Kecedaraan atau kecacatan fizikal yang dialami semasa menjalani latihan atau kursus yang disahkan oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja sebagai tidak sihat untuk meneruskan pengajian; dan
- p. Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja.